


Newspaper	Suara Keadilan
Date	27 October 2015

# Pasak kepung dan kawal

Suara Keadilan - 27/10/2015



**Sekali lagi Tanah Melayu akan dijajah seperti Portugis datang ke Melaka 500 tahun dahulu. Cuma kali ini penjajah bukan datang dengan kapal perang dan soldadu tetapi dengan kertas perjanjian TPPA.**

PADA bulan April 1511 Alfonso de Albuquerque sampai ke Melaka dengan 18 buah kapal perang dan 1500 orang soldadu. Tujuan kedatangan Benggali Putih ini ialah untuk mengepung dan menawan kota Melaka. Dengan tertawannya kota Melaka maka segala perniagaan rempah-rampai di Eropah jatuh ke tangan Portugal.

Ini berlaku 500 tahun dahulu ketika Portugal angkuh sebagai kuasa imperialis. Ini sebelum kemuculan kuasa imperialis Belanda dan Inggeris. Ini di zaman 'mencantile capitalism' - di era permulaan perkembangan sistem ekonomi kapitalis.

Sistem ekonomi kapitalis berubah dan berkembang. Kuasa imperialis lama Portugal dan Belanda dikalahkan oleh kuasa imperialis baru - kuasa British. Kuasa kolonial British berjaya menawan 3/4 wilayah dunia. Britain menjadi Great Britain yang kaya raya dengan harta kekayaan yang dipungah dari seluruh pelosok bumi.

Sejarah kapitalisme berubah. Kuasa kolonial British digantikan pula oleh kuasa kolonial Amerika. Ini kuasa imperialis baru yang lahir sesudah Perang Dunia Kedua. Dari semenjak berakhirnya Perang Dunia Kedua hingga ke hari ini majoriti rakyat dunia di bawah takluk Empayar Amerika.

Dari permulaan sejarah manusia - perang bertujuan untuk menawan wilayah, merampas harta kekayaan, mencari pasaran dan buruh. Melaka ditawan Portugis kerana kota ini tempat jual beli rempah-rampai tersohor dalam dunia ketika itu.

Perang membuktikan kekuatan dan kuasa. Dalam sistem ekonomi kapitalis perebutan ekonomi ini akan berterusan, justeru selagi sistem kapitalis ini wujud - perang akan terus ada. Perang bertujuan untuk membuktikan siapa yang lebih berkuasa.

Dalam sistem ekonomi kapitalis bala tentera siapa yang gagah akan berkuasa. Dengan kuasa boleh memiliki kekayaan. Kuasa ialah memaksa orang lain untuk menerima atau memakai atau membuat sesuatu yang mereka tidak ada hak memilih atau menolak.

Pada ketika ini Tanah Melayu sedang dipaksa oleh Amerika Syarikat untuk menerima perjanjian TPPA. Pemaksaan berjaya dilakukan apabila Parti Ketuanan Melayu yang bernama United Malays National Organisation telah bersekongkol dan bersubahat dengan kuasa imperialis Amerika Syarikat.

Sama seperti sejarah Melaka 500 tahun dahulu ketika diserang oleh Portugis. Serangan pertama Portugis gagal. Melaka hanya berjaya dikalahkan dengan serangan kedua apabila ada pembelotan.

Pada ketika ini sekali lagi pembelotan berlaku di Tanah Melayu. Bani Melayu yang menjadi penduduk asal Tanah Melayu sengaja tidak disedarkan tentang apa butiran perjanjian TPPA. Bani Melayu tidak sedar bahawa Tanah Melayu termasuk Bani Melayu sendiri sedang diikat dan dibungkus untuk dijual secara borong kepada syarikat korporat antarabangsa.

Sebelas buah negara - Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam - sedang diancam dan dipaksa oleh Amerika untuk bersetuju menandatangani perjanjian TPPA. Seperti yang saya katakan - perjanjian ini adalah satu perjanjian rahsia di mana warganegara di sebelas negara ini tidak mengetahui secara terperinci isi kandungan perjanjian ini.

Sebelas negara ini amat penting untuk kaum kapitalis antarabangsa. Mereka menghasilkan 40% pengeluaran GDP ekonomi dunia, 30% eksport global dan 25% import global.

Dalam dua tulisan saya yang lalu telah diterangkan latar belakang kemunculan TPPA ini. Kali ini saya ingin memberi pencerahan kepada Bani Melayu apa sebenarnya tujuan Amerika memaksa 11 buah negara menandatangani perjanjian rahsia ini.

TPPA ini wajib difahami bersama dengan strategi Pasak Asia/Pivot Asia. Dua perkara ini ikat-berikat - macam isi dengan kuku.

Pada tahun 2009 - Bill Clinton telah memperkukuhkan pangkalan tentera udara dan laut Amerika di Guam, Filipina dan di Jepun. Clinton juga bersekongkol dengan Singapura untuk mendirikan pelabuhan yang membolehkan kapal perang Amerika berlabuh di Changi Singapura.

Apabila Obama masuk ke Rumah Putih untuk kali kedua pada tahun 2012 - Obama mengeluarkan strategi yang dipanggil Pivot Asia atau Pasak Asia.

Presiden Obama menerangkan dasar Pasak Asia adalah dasar pertahanan Amerika yang baru. Pasak Asia akan memusatkan 3/4 bala tentera Amerika ke Asia dan Asia Timur. Ini bermakna Amerika akan mengurangkan dan memindahkan bala tenteranya dari Timur Tengah dan

Eropah. Pasak Asia akan membawa bala tentera laut, darat dan udara Amerika ke Asia dan ke Asia Tenggara.

Pada ketika ini Amerika mula melihat dan mengintai-intai kembali pangkalan udara dan laut di Asia Tenggara. Ketika Perang Vietnam berjalan (1961-1975) - Siam dan di Filipina, dua negara Asean telah menjadi wilayah loncatan Amerika untuk menyerang Vietnam.

Di Siam Amerika menggunakan lapangan terbang Udorn dan Korat. Manakala di Filipina Amerika menggunakan lapangan terbang Clark dan pelabuhan tentera di Subic Bay untuk menyerang Vietnam.

Amerika juga mahu menggunakan kembali pelabuhan tentera laut Cam Ranh di Vietnam. Amerika dan Vietnam yang berperang satu ketika dahulu kini mula berbaik-baik. Semua ini adalah Pasak Asia.

Tujuan Utama Pasak Asia ini ialah mengepung Tanah Besar China. Amerika menggunakan dua bentuk strategi untuk meminggir dan mengepung China - ekonomi dan tentera. Pertama, dengan ekonomi melalui perjanjian TPPA. Kedua, melalui kekuatan tentera melalui Pasak Asia.

China pada ketika ini dilihat oleh Amerika dalam dua kaca mata. Satu segi sebagai rakan niaga yang berpotensi membawa bahaya. Kedua China akan menjadi pesaing dari segi ekonomi dan ketenteraan bukan sahaja di Asia tetapi secara global.

Hakikatnya hari ini China menjadi kuasa ekonomi kedua terbesar sesudah Amerika. Ekonomi Jepun telah jatuh nombor tiga. China berpotensi untuk menjadi kuasa hegemoni yang akan menjadi kuasa imperialis menggantikan Amerika.

Dengan pertumbuhan ekonomi dan pasaran yang kuat dan besar China mula memperlihatkan keberanian. China sedang memperluaskan pengaruh di Asia > Afrika dan Amerika Latin. Melalui ekonomi yang kuat China dibaca oleh Amerika sebagai mengembangkan sauh mencari tanah jajahan.

Wilayah pertama yang sedang menjadi medan perebutan ialah di Laut China Selatan. Mengikuti risikan satelit Amerika, China sedang mendirikan pelabuhan tentera laut yang besar di Pulau Spratly. Wilayah kepulauan ini juga dituntut oleh Vietnam, Filipina dan Malaysia. Justeru 3 negara ini menjadi penting dalam Pasak Asia dan TPPA.

Dalam persaingan ekonomi antara China dan Amerika ini - dunia sedang melihat munculnya negara-negara BRIC yang berani bangun untuk menandingi kuasa hegemoni Amerika. BRIC ialah Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan. Negara-negara BRIC ini menjadi satu kelompok ekonomi yang mendapat sokongan dari China yang kaya dengan simpanan dolar.

China juga menubuhkan AIIB - Asian Infrastructure Investment Banking dengan pelaburan sebanyak 1 trilion Yuan. Bank ini berpotensi untuk menandingi Asian Development Bank - milik Bank Dunia. AIIB ini akan menjadi alternatif kepada International Monetary Fund.

China juga sedar bahawa Amerika se-

dang mengepung China melalui TPPA. Justeru untuk memecahkan kepungan itu China mewujudkan RCEP - Regional Comprehensive Economic Partnership. Sepuluh negara Asean menjadi ahli bersama India, Korea Selatan, Jepun, Australia dan New Zealand. Amerika Syarikat tidak dijemput. Sama seperti Amerika tidak menjemput China dalam TPPA.

Jelas - semua ini adalah persaingan yang amat sengit. Grand Finale persaingan ini pastilah perang. Dan Laut China Selatan akan menjadi medan utama. China, Amerika, Malaysia, Filipina dan Vietnam bukan berebut mencari kerang atau hak memasang lukah. Apa yang direbut di Laut China Selatan bukan ikan pari atau tenggiri tetapi minyak mentah dan gas yang masih tersimpan dalam perut bumi.

TPPA dan Pasak Asia ini adalah strategi berjangka panjang Amerika. Empayar Amerika sedang membuat persediaan. Amerika sedar akan potensi BRIC. Amerika juga sedar tentang kerjasama antara Rusia dan China.

Pada satu ketika dahulu - ketika Perang Dingin - China dan USSR dari blok Sosialis bertelagah tentang ideologi. Mereka bermusuhan dari segi membaca Marx dan Lenin. Sesudah runtuhnya USSR kelihatan China dan Rusia menjadi intim. Dua negara ini bukan sahaja membuat perjanjian perniagaan yang maha besar. Malah China dan Rusia juga membuat perjanjian pertahanan.

PLA - People Liberation Army China memberi kawad hormat di Victory Parade di Red Square Moscow pada Mei tahun ini. Dalam bulan September tahun ini Tentera Merah Rusia juga berkawad di Beijing untuk menyambut ulang tahun ke-70 kemenangan China mengalahkan Jepun.

Di podium ialah Vladimir Putin yang diapit oleh Presiden China Xi Jinping. Semiotiknya cukup jelas bahawa Rusia dan China kini menjadi negara 'abang adik'. Semiotik ini jelas ditunjukkan kepada Obama dan kuasa imperialis Amerika.

Bila Grand Finale ini akan sampai? Mengikuti hukum sosial ianya pasti akan sampai. Tanda-tanda semakin jelas. Saddam Hussein dibunuh kerana dia meninggalkan dolar. Gadaffy dibunuh kerana dia berniat ingin menggantikan dolar dengan dinar emas.

Pada hari ini China, Rusia dan negara BRIC mula meninggalkan dolar dalam urusan beli perniagaan. Tetapi dolar masih diguna pakai lagi. Akan tiba masa apabila Yuan dan Ruble menjadi ganti dolar maka ketika itu semua akan meledak.

Sayang sekali Bani Melayu tidak memiliki kesedaran tentang perkara ini. Sayang sekali Tanah Melayu akan dijual kepada korporat Amerika. Sekali lagi Tanah Melayu akan dijajah seperti Portugis datang ke Melaka 500 tahun dahulu. Cuma kali ini penjajah bukan datang dengan kapal perang dan soldadu tetapi dengan kertas perjanjian TPPA.

\* Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Suara Keadilan